

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan melengkapkan Borang Permohonan Keluaran 02(10.08.2015) : Pindaan 00. Borang tersebut boleh diperolehi di:

**UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 1, MENARA SELATAN
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
40676 SHAH ALAM**

@ www.jais.gov.my @ www.selangor.gov.my

- b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan, salinan kad pengenalan ibu dan bapa serta salinan sijil kelahiran pemohon, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
- c) Sila tulis nama jawatan di sebelah atas kiri sampul surat.
- d) Semua salinan sijil hendaklah **diakui sah**.
- e) **Permohonan yang berikut akan ditolak/ tidak akan diproses jika :**
tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan;
tidak lengkap atau tidak terang;
tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan;
tidak besertakan gambar dan
tidak ditandatangani.
- f) Permohonan hendaklah dialamatkan kepada :

**UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 1, MENARA SELATAN,
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
NO. 2, PERSIARAN MASJID, BUKIT SUK
SEKSYEN 5, 40676 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Sebelum atau pada **8 Mei 2019 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengahari**.

- g) Hanya calon yang berkelayakan dan melepasi tapisan sahaja yang akan dipanggil temuduga.
- h) Permohonan adalah dianggap **Tidak Berjaya** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh masa seperti yang berikut:
selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau
selepas 6 bulan dari tarikh temuduga
(sekiranya berjaya dipanggil temuduga)
- i) Sebarang pertanyaan boleh menghubungi urusetia di talian **03-5514 3536 / 3475
3405 / 3550**



JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon ANAK NEGERI SELANGOR yang berkelayakan untuk mengisi jawatan perkhidmatan kontrak seperti berikut :

JAWATAN		KEPERLUAN	KEKOSONGAN
A	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41	* Lelaki / Perempuan * Subjek Akademik / Tahfiz	17
B	Pegawai Hal Ehwal Islam (Pengurus / Imam I) Gred S41	Lelaki	2
C	Penolong Juruukur Bahan Gred JA29	Lelaki / Perempuan	1
D	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Penolong Pengurus / Imam II) Gred S29	Lelaki	1
E	Pembantu Hal Ehwal Islam (Pembantu Pengurus / Bilal / Siak) Gred S19	Lelaki	8
F	Pemandu Kenderaan Gred H11	Lelaki	1

2. KLASIFIKASI PERKHIDMATAN

A - B	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
C - F	PELAKSANA

3. TARAF JAWATAN :

- **CONTRACT OF SERVICE**

Jawatan : A,C & F

(Kontrak Kerajaan Negeri Selangor di Jabatan Agama Islam Selangor)

Jawatan : B, D & E

(Kontrak Majlis Agama Islam Selangor di Jabatan Agama Islam Selangor)

4. UMUR :

- Berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan

5. WARGANEGARA :

- Warganegara Malaysia; dan
- Kelahiran Negeri Selangor, atau
- Ibu atau bapa dilahirkan di Negeri Selangor, atau
- Telah bermastautin di Negeri Selangor selama lebih 15 tahun serta mendapat pengesahan daripada Penghulu Mukim yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPAN).

*** (Surat pengesahan pemastautin hendaklah dilampirkan bersama Borang permohonan)**

6. TEMPOH PERKHIDMATAN :

- 2 Tahun

7. SYARAT LANTIKAN & JADUAL GAJI

JAWATAN A : PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41

JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,188.00	RM9,552.00	RM 225.00

SYARAT LANTIKAN :

- a)
- i. Ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,188.00); **atau**
 - ii. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,391.94); **atau**
 - iii. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,391.94); **atau**
 - iv. Ijazah sarjana dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,902.98); **atau**
 - v. Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM3,209.60).
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS :

- i. Bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan profesional meliputi aspek-aspek dan aktiviti-aktiviti seperti berikut:
 - a) Pengurusan pelajar
 - b) Pengurusan organisasi
 - c) Pengurusan dasar
 - d) Penyelidikan, pengkomersilan dan khidmat nasihat
 - e) Jaringan dan kolaborasi
 - f) Pengurusan sumber manusia

JAWATAN B : PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM (PENGURUS/ IMAM I) GRED S41 (LELAKI)

JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 2,078.00	RM 9,544.00	RM 225.00

SYARAT LANTIKAN :

- a)
- i. ijazah sarjana muda dalam bidang pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,078.00) atau;
 - ii. ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,281.86).
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

DESKRIPSI TUGAS :

Mengetuai satu unit kecil/pasukan kerja sama ada dalam pengurusan dakwah/latihan/penyelidikan/penguatkuasaan undang-undang/pengurusan dan pengimarahkan masjid/pengurusan Baitulmal/pengurusan halal.

JAWATAN C : PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA29

JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,549.00	RM 5,701.00	RM 145.00

SYARAT LANTIKAN :

- a)
- i. Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau
 - ii. Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS :

- i. Bertanggungjawab membantu Juruukur Bahan memberi perkhidmatan dalam kerja-kerja pakar ukur bahan di peringkat pra dan pos kontrak, memberikan khidmat nasihat dan runding cara kos pembinaan, menjalankan pembangunan dan penyelidikan berkaitan dasar mengenai tender dan kontrak kerajaan serta memberi khidmat keurusetiaan tender, kontrak dan pelantikan perunding ikhtisas.
- ii. Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan skop kerja ukur bahan berhubung pentadbiran kontrak termasuk menyediakan anggaran kos awal, membuat pengukuran kuantiti (taking off), menyediakan dokumen tender dan kontrak, menyedia perakuan bayaran interim, menyedia arahan perubahan kerja, perakuan akaun dan bayaran muktamad, mengemas kini sijil-sijil dan perakuan yang berkaitan dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**JAWATAN D : PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM
(PENOLONG PENGURUS / IMAM II) GRED S29 (LELAKI)**

JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,493.00	RM 5,672.00	RM 145.00

SYARAT LANTIKAN :

- a)
- i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat prinsipal dalam subjek Syariah, Usuluddin atau Bahasa Arab.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,493.00); atau
 - iii. Diploma dalam bidang tahfiz Al-Quran, pengajian Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S29: RM1,770.95).
- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS :

Menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan dakwah, pengurusan masjid, akidah, halal, undang-undang Syariah, Baitulmal dan penguatkuasaan.

**JAWATAN E: PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM (PEMBANTU PENGURUS / BILAL / SIAK)
GRED S19 (LELAKI)**

JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

SYARAT LANTIKAN :

a)

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta:
 - o Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah; dan
 - o Lulus dalam subjek Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi).

(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,352.00); atau

- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,408.40); atau
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,464.80).

- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh

DESKRIPSI TUGAS:

Menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan dakwah, pengurusan masjid, akidah, halal, undang-undang Syariah, Baitulmal dan penguatkuasaan.

JAWATAN F : PEMANDU KENDERAAN GRED H11 (LELAKI)

JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,218.00	RM 2,939.00	RM 80.00

SYARAT LANTIKAN :

- a)
- i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - ii. lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - iii. berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

Lesen D	RM 1,264.15
Lesen E/E1/E2	RM 1,310.30
Lesen F/H	RM 1,356.45
Lesen G/I	RM 1,402.60

- b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

DESKRIPSI TUGAS :

- i. Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan.
- ii. Bertanggungjawab untuk memandu kenderaan pejabat atas tugas-tugas rasmi, menjaga dan menyelenggara kenderaan serta memastikan keselamatan kenderaan dan alat-alat kelengkapan.